

TSI sasar bertapak kukuh di ASEAN, Timur Tengah

KUALA LUMPUR 22 Mei - TSI Holdings Sdn. Bhd., (TSI), pemaju hartanah tempatan bersiap sedia untuk melebarkan sayapnya untuk menjadi pemain disegani di rantau ini.

Pengarah Urusannya, Datuk Lim Seng Kok (**gambar**) berkata, syarikat kini meninjau peluang untuk memasuki pasaran Vietnam dan Kemboja dalam masa terdekat setelah mempunyai kedudukan kukuh di Indonesia.

"Kami memasuki pasaran Indonesia pada 1997 ketika krisis ekonomi melanda rantau Asia. Pada masa itu, ramai yang mengatakannya kerja gila, tetapi TSI meneruskan hasrat dengan membina rantaian hubungan dengan pemain in-

dustri tempatan.

"Hasilnya, TSI telah bekerjasama dengan Interdesign Group untuk membina kesan sinergi yang akan memberi kedudukan kukuh di rantau ASEAN dan Timur Tengah," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Tambah Seng Kok, reputasi mereka telah dikenali oleh pasaran antarabangsa dengan penyertaan dalam pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Dubai, vila berprestij di Abu Dhabi dan Ritz Carlton Dubai.

"Melalui pengiktirafan antara-



bangsa itu, kami turut hadir di pasaran Filipina dan Thailand.

"Misi kami yang seterusnya adalah menjadi peneraju penyedia produk reka bentuk dan perkhidmatan khas bagi industri bangunan dan pembinaan," jelasnya.

Sementara itu, perkembangan bandar pemborongan (wholesale city) terbesar di Asia Teng-

gara, GM Klang yang terletak di Bandar Botanic, Klang, Seng Kok berkata, fasa kedua pembangunannya akan diteruskan pada separuh kedua tahun depan.

"Fasa kedua itu akan melibatkan

pembangunan 750 buah ruang jualan runcit dan ia akan melengkapinya 330 buah ruang pembangunan fasa pertama.

"Apa yang penting pada masa ini bagi kami adalah meningkatkan promosi menggalakkan lebih banyak peniaga datang ke sini. Antara sasaran peniaga adalah dari Timur Tengah, India, Pakistan, China, Indonesia, Filipina dan Thailand," kata beliau lagi.

GM Klang akan menjadi pusat sehenti yang menyediakan pelbagai produk tidak hanya tertumpu kepada satu produk sahaja, ujarnya.

Seng Kok berkata, dengan ciri-ciri moden yang diperkenalkan, beliau yakin GM Klang akan mendapat sambutan baik terutama lokasi stra-

tegiknya berhampiran dengan pelabuhan serta lapangan terbang, bakal memudahkan para peniaga.

Bergerak ke hadapan, Seng Kok berkata, TSI akan meninjau peluang untuk meneruskan pembangunan hartanah terutama di luar Lembah Klang.

"Setakat ini, kami mempunyai 16 hektar tanah di Kuantan yang akan dibangunkan sebagai pembangunan kediaman. Selain itu, kami masih juga meninjau di kawasan lain," kata beliau.

Seng Kok berkata, buat masa ini TSI masih belum berhasrat menyenaraikan syarikat itu di Bursa Malaysia kerana syarikat masih mempunyai dana dalaman untuk meneruskan perkembangan perniagaan.